

Golongan Perosak Agama

(Oleh : Al-Ustādh Muhammad Ali al-Hamidi)

Kekacauan yang ditimbulkan oleh pihak lawan, lebih mudah dihadapi daripada yang ditimbulkan oleh golongan yang berupa kawan. Pihak lawan nyata bersifat menentang dari sebelah luar. Tetapi golongan yang berupa kawan itu, ada kalanya berbuat seperti lawan yang merugikan diri sendiri.

Perosak dari sebelah dalam itu, kadang-kadang terdiri dari golongan munafik yang bertujuan mencari keuntungan untuk diri sendiri, dengan menyembunyikan isi hatinya yang sebenarnya, kerana sifat penakut dan pengecut telah bersarang di dalam kalbunya. Ada kalanya pula terdiri

dari golongan orang-orang yang tolol dan bodoh, dan kerana kebodohnya dipergunakan oleh lawan sebagai alat untuk menimbulkan kekacauan dari sebelah dalam dengan tiada disedari. Adanya dua golongan yang tersebut dalam tiap-tiap perjuangan, menjadi pengukur, sampai di mana keteguhan iman si pejuang dan mujahid dalam membela dan menegakkan kebenaran.

Marilah kita bawa kepada perjuangan agama. Dalam kalangan ahli agama pun terdapat juga di dalamnya yang suka menimbulkan kekacauan dan kerosakan dari sebelah dalam kerana tolol dan bebalnya, sehingga sinar cahaya Islam tertutup kerananya. Yang kedua pula ialah golongan munafik yang bermuka dua.


Seorang pujangga Islam berkata : “Islam itu tertutup kerana orang-orang Islam sendiri.”

Semua yang disebutkan tadi, sebenarnya sudah diberi gambarannya oleh Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, sabdanya:

Mā min nabīyi ba‘athahu Allahu fi ummati qablī illā kāna lahu min ummatihī ḥawāriyyūna wa aṣḥābi ya ‘khudhūna bi sunnatihī wa yaqtadūna bi amrih, thumma annahā tukhlifu min ba ‘dihim khalīfun yaqūlūna mā lā yaf‘alūna wa yaf‘alūna mā lā yu‘mirūn. Fa man jāhadahum bi yadihī fahuwa mu‘min, wa man jāhadahum bi lisānihī fahuwa mu‘min, wa man jāhadahum bi qalbihī fahuwa mu‘min, laysa warā‘a dhālika min al-aymāni ḥibattun khardal. (Muslim).

Ertinya: “Tidak ada seorang pun nabi yang diutus oleh Allah dalam satu umat sebelum aku melainkan ada baginya daripada umatnya itu: Beberapa orang penolong dan sahabat, yang mengerjakan sunnahnya dan menuruti perintahnya. Kemudian sesudah mereka itu, datanglah beberapa

golongan, yang berkata-kata dengan apa-apa yang mereka tidak kerjakan, dan yang mengerjakan apa-apa yang mereka tidak disuruh. Maka barang siapa yang menentang dengan keras akan mereka itu dengan tangannya maka ia seorang Mukmin. Dan barangsiapa yang menentang mereka dengan lidahnya maka ia seorang Mukmin. Sebalik itu tidaklah ada iman walaupun sebesar biji sawi.”



Pemandangan yang indah ini di serambi Masjid Nabi di Madīnah Al-Munawwarah yang baharu siap dibina oleh kerajaan Saudi Arabia. Gambar dengan ihsan Maali Al-Shaykh Muḥammad Ṣāliḥ Qazāz – Makkah Al-Mukarramah.

Di dalam hadis ini disebutkan dua golongan pertama “yang berkata-kata dengan apa-apa yang mereka tidak kerjakan.” Golongan ini terdiri kebanyakannya daripada orang-orang yang hatinya ada penyakit *nifāq* (yang menyebabkan seseorang itu berlaku munafik). Yang kedua, golongan itu kebanyakannya terdiri daripada orang-orang bodoh dan bebal.

Kedua-dua golongan yang tersebut merosakkan kesucian agama. Kerana dengan adanya dua golongan tadi, isi dan perintah agama tidak dikerjakan (terbengkalai). Golongan yang pertama hanya bercakap sahaja tidak bekerja, dan golongan yang kedua pula hanya mengerjakan perkara-perkara yang tidak disuruh oleh agama. Kalau isi agama dan perintahnya tidak dikerjakan, maka samalah seperti tidak beragama.

Oleh sebab itu, kaum Muslimin diperintahkan berjihad dan bekerja keras menentang dua golongan tadi yang menjadi perosak agama, iaitu menentang mereka dengan tiga cara: dengan tangan (kuasa – P), dengan lidah (nasihat dan amaran – P) dan juga dengan hati (berdoa moga-moga mereka insaf – P), kalau betul mereka (kaum Muslimin) mengaku beriman kepada Allah dan rasul-Nya tetapi kalau salah satu dari tiga cara itu tidak mereka kerjakan, maka tidaklah ada iman pada mereka walaupun sebesar biji sawi, kerana dengan sikap yang seperti itu, maka mereka seakan-akan telah mempersetujuinya.

Perbaikilah kerosakan kita dari sebelah dalam, mudah-mudahan Allah memperkuat perjuangan kita di sebelah luar, dengan diberikannya kemenangan – Amin.